

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis akan menyebut rumusan-rumusan mengenai perbincangan yang telah dilakukan dalam bab-bab terdahulu. Rumusan ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu khusus dan umum. Seterusnya penulis akan mengutarakan beberapa cadangan yang juga dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu khusus dan umum.

5.1 Rumusan

Rumusan ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu khusus dan umum.

5.1.1 Rumusan Khusus

Dalam rumusan khusus ini, penulis akan menyebut rumusan dan kesimpulan berkaitan dengan al-Quran al-Karim khususnya berkaitan dengan objektif kajian ini.

5.1.1.1 Pemilihan Perkataan dalam al-Quran al-Karim.

(a) Berkaitan dengan makna tersurat:

- i- Makna tersurat bagi perkataan yang digunakan dalam al-Quran al-Karim mempunyai ciri-ciri makna yang sangat halus dan menepati hakikat serta realiti sesuatu yang disebut.
- ii- Makna tersurat dalam al-Quran al-Karim banyak digunakan pada perkara-perkara berkaitan fakta dan hakikat sesuatu sama ada sejarah atau ilmiah termasuk istilah dan seumpamanya yang memerlukan ketepatan dan kehalusan.

iii- Pemilihan perkataan dalam al-Quran al-Karim adalah amat tepat, bersesuaian dengan konteks yang dibincangkan. Ia tidak boleh digantikan dengan perkataan lain sama sekali dan sekiranya digantikan akan berlaku kecacatan padanya.

iv- Perkataan yang digunakan dalam al-Quran al-Karim menepati:

- a. istilah yang digunakan pada zaman lampau.
- b. penemuan sains dan teknologi pada zaman kini.
- c. tahap dan peringkat sesuatu perkara.
- d. perkara maknawi dan abstrak termasuk sifat.

v- Antara kaedah untuk mengenal pasti ketepatan makna perkataan adalah melalui:

a. perbandingan ayat seperti:

dan

b. penggunaan faaṣilat seperti:

(b) Berkaitan makna tersirat:

- i- Makna tersurat bagi perkataan yang digunakan dalam al-Quran al-Karim mempunyai makna yang luas dan pelbagai isyarat yang halus.
- ii- Makna tersirat dalam al-Quran al-Karim banyak digunakan pada perkara-perkara berkaitan ajaran agama, kisah, pengajaran dan nasihat, dengan kata lain *targhiib dan tarhiib*, iaitu galakan dan amaran.

- iii- Makna tersirat dalam al-Quran al-Karim kadang-kadang mempunyai beberapa peringkat yang hanya difahami oleh pakar bahasa yang menghayatinya.
- iv- Makna tersirat dalam al-Quran al-Karim dapat dilihat dan dikesan melalui pelbagai struktur bahasa, antaranya ialah:
- a. Ijazz yang bermaksud penggunaan perkataan yang sedikit tetapi mempunyai makna yang luas. Ia mempunyai dua bentuk: *ijazz qasr*, iaitu penggunaan perkataan yang padat dengan maksud yang luas dan *ijazz hadhf*, iaitu pengurangan perkataan atau ungkapan dalam sesuatu ayat.
 - b. Tadmiin yang bermaksud memberi makna sesuatu perkataan kepada perkataan lain yang menjadikannya mengandungi dua makna.
 - c. Pola morfologi seperti penggunaan jamak qillat dan jamak kathrat.
 - d. Faasilat yang bermaksud perkataan yang terletak di hujung ayat atau keratan ayat.
 - e. Taghliib yang bermaksud mengguna pakai satu struktur bahasa ketika berlaku percampuran antara dua struktur bahasa seperti mengguna pakai ciri lelaki ketika ada percampuran lelaki dan wanita dan mengguna pakai ciri orang yang berakal ketika berlaku percampuran berakal dan tidak berakal.
 - f. Penyimpangan dari kaedah nahu secara zahirnya dengan menggunakan sesuatu perkataan yang pada zahirnya sepatutnya digunakan perkataan dari jenis lain di tempat tersebut.
 - g. Akar kata dan penggunaan asal sesuatu perkataan.
 - h. Penggunaan ungkapan secara tidak langsung.

- i. Penggunaan perkataan secara majaz yang makna tersiratnya dapat difahami daripada makna asal perkataan tersebut.
- j. Polisemi yang mempunyai banyak makna dan makna tersiratnya ialah makna yang bukan berkaitan dengan konteks ayat tersebut.

(c) Berkaitan makna majazi:

- i- Makna majazi mempunyai peranan dalam makna tersirat, kerana boleh dikatakan di sebalik semua makna majazi terdapat makna tersirat. Ia bermula dengan makna tersurat diikuti dengan makna majazi dan membawa kepada makna tersirat yang secara amnya berbentuk bayangan yang berlebihan dan pengukuhan.
- ii- Makna majazi terdapat pada dua bentuk. Pertamanya isti‘aaraḥ terutamanya melalui dua jenisnya, iaitu isti‘aaraḥ taṣrihiyyaḥ dan makniyyaḥ. Keduanya majaz mursal melalui pelbagai hubungannya, antaranya ialah penyebab, kesan, sebahagian, keseluruhan, tempat, alat, perkiraan lalu, perkiraan akan datang, pelaku dan objek .
- iii- Kadang-kadang digunakan beberapa majaz seperti majaz mursal untuk sesuatu perkara mengikut kesesuaian konteks ayat dan maksud tersirat yang dikehendaki.

(d) Berkaitan makna kinayah:

- i- Kinayah dalam al-Quran al-Karim banyak dikaitkan dengan perkara-perkara yang sensitif dan taboo seperti dalam hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan.
- ii- Kadang-kadang dalam al-Quran al-Karim digunakan beberapa kinayah untuk sesuatu perkara mengikut kesesuaian konteks ayat dan maksud tersirat yang dikehendaki.

iii-Kinayah al-Quran dalam konteks halal merupakan perkataan yang menimbulkan keinginan dan kelapangan jiwa. Sebaliknya kinayah yang digunakan dalam konteks haram merupakan perkataan yang menimbulkan kebencian dan kesempitan jiwa.

iv- Secara dasarnya, kinayah adalah lebih baik berbanding ungkapan langsung. Ini adalah kerana kinayah seumpama membuat kenyataan yang disertai dengan dalil.

(e) Berkaitan sinonim

i- Tiada sinonim dalam al-Quran al-Karim sama ada sinonim separa lengkap mahupun sinonim lengkap, kerana setiap perkataan di dalamnya digunakan dengan makna yang khusus dan tidak sama dengan perkataan lain. Hal ini jelas apabila dilihat kepada dua perkataan yang dikatakan sinonim digunakan dalam satu ayat sahaja atau satu gaya bahasa seperti gaya bahasa pengecualian dengan perbezaan makna yang halus. Apa yang jelasnya meletakkan dua perkataan yang dalam keadaan biasanya dikatakan sinonim dalam satu ayat adalah disengajakan bagi menunjukkan bahawa al-Quran al-Karim membezakan kedua-duanya dengan makna yang halus.

ii- Perbezaan antara perkataan-perkataan yang mempunyai makna am yang sama dalam al-Quran al-Karim adalah dari sudut:

- a. Tahap dan kadar sesuatu
- b. Konkrit dan abstrak
- c. Asas dan cabang
- d. Berterusan dan sekali sahaja
- e. Pelaku manusia dan bukan manusia
- f. Sikap dan perasaan hati
- g. Makna tersirat

h. Senang dan susah

Secara amnya, perbezaan tersebut berlaku dalam apa sahaja bentuk sama ada makna tersirat atau konteks penggunaan. Sekiranya diaplikasi Teori Komponen Makna dapat dikatakan bahawa perbezaan itu berlaku pada salah satu atau beberapa ciri makna yang dibandingkan.

(f) Berkaitan polisemi

i- Terdapat polisemi dalam al-Quran al-Karim kerana realiti penggunaannya tidak boleh ditolak dan seolah-olahnya disengajakan.

ii- Terdapat dua bentuk polisemi dalam al-Quran al-Karim, iaitu:

a. Satu perkataan yang memberi banyak makna pada konteks ayat yang berlainan.

b. Satu perkataan yang memberi banyak makna pada satu konteks ayat sahaja. Dengan kata lain, satu perkataan dalam sesuatu ayat boleh dan mungkin ditafsirkan dengan beberapa makna.

iii-Polisemi dalam al-Quran al-Karim mempunyai maksud tersirat tertentu yang ingin disampaikan, iaitu kesepaduan kepelbagaian makna yang tidak harus dipisahkan antara satu sama lain dalam pelaksanaan sesuatu perkara untuk mencapai kesempurnaan. Kesepaduan makna ini bukan sahaja dapat dilihat kepada hakikatnya, malah penggunaan satu sahaja perkataan dan istilah itu sendiri menggambarkan kesepaduan tersebut.

iv-Polisemi merupakan ciri bahasa al-Quran al-Karim yang digunakan sebagai satu kaedah untuk menyatakan makna yang banyak dengan perkataan yang ringkas dan sedikit, di samping makna tersirat yang tertentu.

(g) Berkaitan taḍaadd

- i- Terdapat taḍaadd dalam al-Quran al-Karim berdasarkan realiti penggunaannya.
- ii- Penggunaan taḍaadd dalam al-Quran al-Karim mempunyai maksud tersirat tertentu yang ingin disampaikan, iaitu menunjukkan kesepaduan kepelbagaian atau pertentangan makna yang hendaklah diberi penekanan dan difikirkan dalam melaksanakan sesuatu dan memahaminya dengan lengkap.

(h) Berkaitan bunyi

- i- Pemilihan perkataan dalam al-Quran al-Karim pada asalnya adalah mengikut makna. Namun, makna tersebut diperkukuhkan lagi dengan bunyi yang menarik dan sesuai dengan konteks ayat.
- ii- Secara khususnya ciri-ciri bunyi pada perkataan dalam al-Quran al-Karim ialah:
 - a- Bunyi yang lembut.
 - b- Bunyi yang saling membantu dan susunan huruf yang cantik.
 - c- Bunyi yang susah tetapi menggambarkan makna dan konteks.

Daripada sorotan tadi, diperhatikan bahawa secara amnya perkataan yang digunakan dalam al-Quran al-Karim bukan sahaja mempunyai makna yang tepat dengan hakikat sesuatu, tetapi mempunyai isyarat-syarat dan maksud-maksud tersirat yang luas.

5.1.1.2 Pemilihan Struktur Morfologi dalam al-Quran al-Karim

- (a) Antara struktur morfologi dari kategori yang sama.

1- Al-Quran al-Karim menggunakan jenis-jenis jamak, iaitu jamak mudhakkar saalim, jamak muannath saalim dan jamak taksiiir terutamanya pada perkataan yang mempunyai lebih daripada satu jenis jamak dengan makna yang khusus, seperti:

- i- jenis makna
- ii- maksud perbuatan

2- Al-Quran al-Karim menggunakan pola-pola jamak taksiiir terutamanya bagi perkataan yang mempunyai lebih daripada satu pola jamak dengan makna khusus yang tersendiri, seperti:

- i- lahiriah atau maknawiah.
- ii- tahap sesuatu.
- iii- kadar bilangan sedikit atau banyak.
- iv- maksud-maksud balaghah seperti penghinaan, keburukan dan kehebatan.

3- Al-Quran al-Karim menggunakan pola-pola maṣḍar terutamanya bagi perkataan yang mempunyai lebih daripada satu pola maṣḍar dengan makna khusus yang tersendiri, seperti:

- i- Khusus dan umum
- ii- Dalaman dan luaran
- iii- Objek perbuatan
- iv- Jenis perbuatan
- v- Tahap makna
- vi- Sudut tertentu
- vii- Proses dan perbuatan

4- Sekiranya perbezaan antara maṣḍar-maṣḍar adalah pada sudut dan jenis yang berlainan, maka ia tidak mempunyai ciri dan panduan tertentu untuk menentukan maknanya selain merujuk kepada konteks ayat. Namun sekiranya perbezaan itu berlaku pada tahap makna,

maka kaedah penambahan huruf menunjukkan penambahan makna boleh diguna pakai sebagai panduannya.

5- Penambahan huruf mad dan ان pada pola morfologi secara amnya memberi makna tahap yang lebih seperti pola فَعْلَان yang menunjukkan makna pergerakan, keaktifan dan ketidakstabilan.

6- Pada dasarnya, penambahan ة pada kata nama jaamid termasuk maṣḍar menunjukkan tahap makna yang semakin kurang, tetapi penambahannya pada waṣf musytaqq memberi makna berlebihan dan tahap maksima.

7- Maksud maṣḍar asli tidak dapat dibezakan dengan maṣḍar miimiyy secara umum, tetapi perlu dilihat kepada setiap contoh dan pola secara khusus seperti pola yang berakhir dengan ان yang menunjukkan maksud kesangatan, berlebihan dan pengukuhan walaupun secara relatif, berbanding dengan maṣḍar miimiyy.

8- Kadang-kadang al-Quran al-Karim menyimpang daripada menggunakan maṣḍar asli sesuatu kata kerja kepada bentuk maṣḍar yang lain kerana hendak mengumpulkan kedua-dua makna dalam bentuk yang ringkas.

9- Kadang-kadang sesuatu kata kerja mempunyai lebih daripada satu pola sifat musyabbahaṭ dan ṣiighaṭ mubaalaghaṭ, maka al-Quran al-Karim menggunakannya untuk menyatakan perbezaan tahap atau peringkap.

10- Kata-kata ahli morfologi “*penambahan huruf menunjukkan penambahan makna*” tidak bermaksud makna yang banyak dan kuat, tetapi bermaksud ada sesuatu penambahan makna baru, walaupun kadang-kadang memberi makna semakin kurang dan lemah.

(b) Antara struktur morfologi dari kategori yang berlainan.

1- Kadang-kadang al-Quran al-Karim menggunakan satu perkataan untuk lelaki dan perempuan untuk menunjukkan kesatuan hubungan antara mereka berdua melalui penggunaan satu istilah sahaja. Di samping itu, al-Quran al-Karim juga menggunakan pendekatan yang sebaliknya, iaitu menggunakan dua istilah untuk satu perkara untuk menyatakan dua keadaannya yang berbeza.

2- Terdapat satu fenomena khas bahasa dalam al-Quran al-Karim, iaitu metode iltizam atau konsisten yang bererti penggunaan sesuatu perkataan dalam satu bentuk atau makna tertentu sahaja dalam seluruh al-Quran al-Karim seperti penggunaan perkataan الأرض dalam bentuk mufrad sahaja dan perkataan الظلمات dalam bentuk jamak sahaja. Secara amnya, bagi fenomena bahasa ini terdapat tiga sebab:

i- Sebab berkaitan sebutan dan bunyi seperti sebutan yang ringan.

ii- Sebab berkaitan makna seperti maksud hakiki/leksikologi, iaitu bilangan dan maksud balaghah, iaitu kekerdilan, kurang bernilai dan seumpamanya.

iii- Sebab nahuan seperti maṣdar yang tidak boleh dijamakkan.

3- Bentuk bilangan sama ada mufrad, duan atau jamak yang digunakan dalam al-Quran al-Karim menunjukkan kepada dua makna. Pertamanya makna bilangan yang berkenaan, namun dalam setengah keadaan makna bilangan berkenaan bukanlah merupakan maknanya yang langsung, sebaliknya makna yang berkaitan dengannya dari perspektif tertentu berdasarkan konteks ayatnya. Keduanya ialah makna atau maksud balaghah seperti sedikit, penghinaan, pengagongan, penghormatan dan sebagainya.

4- Ṣiighaṭ mubaalaghaṭ digunakan dalam al-Quran al-Karim dengan maksud pelaku yang mempunyai tahap yang lebih tinggi berbanding kata nama pelaku.

5- Al-Quran al-Karim kadang-kadang menukar sesuatu perkataan dalam bentuk pola sifat musyabbahaḥ kepada pola kata nama pelaku untuk menunjukkan maksud tidak tetap seperti perkataan ضَائِق .

6- Sifat musyabbahaḥ dan šiighaḥ mubaalaghaḥ merupakan dua pola yang tidak bertemu pada sesuatu perkataan kerana sifat musyabbahaḥ mempunyai makna tetap dan berterusan dan šiighaḥ mubaalaghaḥ mempunyai tahap makna yang lebih kuat berbanding dengan dengan kata nama pelaku. Walau bagaimana pun, kedua-dua struktur ini mempunyai makna yang kuat.

7- Al-Quran al-Karim bukan sahaja menggunakan kata nama pelaku dan kata nama objek dengan maksud masing-masing secara jelas dan langsung, tetapi ia juga turut menggunakannya dengan maksud dan tujuan tertentu seperti menggunakan kata nama objek di tempat kata nama pelaku dan sebaliknya untuk menunjukkan maksud berlebihan dan keterbalikan keadaan.

8- Al-Quran al-Karim kadang-kadang menggunakan maṣdar di tempat kata nama pelaku dan sifat musyabbahaḥ untuk menunjukkan maksud kekuatan, pengukuhan, berlebihan, pertukaran keadaan dan kemuncak.

9- Al-Quran al-Karim menggunakan kata kerja kala lalu bagi menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan pada masa lalu dan menggunakan kata nama pelaku bagi menunjukkan seseorang itu memang melakukan sesuatu perbuatan atau mempunyai sesuatu sifat yang tetap secara nisbiyy atau relatif.

10- Kata Kerja kala kini dan kata nama pelaku sering digandingkan dalam al-Quran al-Karim yang mengandungi unsur perbandingan antara dua perkara yang berlawanan. Kata kerja kala kini menunjukkan sesuatu perbuatan berlaku secara tajaddud atau berulang kali pada masa sekarang dan akan datang, manakala kata nama pelaku menunjukkan sesuatu perbuatan berlaku secara tetap dan nisbiyy.

11- Dalam al-Quran al-Karim, Allah SWT menyandarkan perbuatan menyesatkan kepada diri-Nya dalam bentuk kata kerja sahaja untuk menunjukkan bahawa ia bukan perbuatan atau sifat-Nya yang tetap, tetapi dilakukan-Nya terhadap orang yang berhak menerimanya. Dia tidak pernah menyandarkan perbuatan ini kepada diri-Nya dalam bentuk kata nama untuk menunjukkan bahawa ini bukan sifat-Nya, tetapi apabila Dia menyandarkan perbuatan ini kepada syaitan dinyatakan dalam bentuk kata kerja dan kata nama atau kata sifat untuk menunjukkan bahawa perbuatan menyesatkan ini memang merupakan sifat syaitan yang tetap dan sehati serta dilakukannya dari masa ke masa.

12- Terdapat perkara-perkara tertentu dalam al-Quran al-Karim yang banyak digunakan dalam bentuk kata kerja seperti amalan membelanjakan harta kerana ia merupakan perbuatan yang berulang-ulang dan berlaku secara berterusan. Di samping itu, terdapat perkara-perkara tertentu yang digunakan dalam bentuk kata nama dan kata kerja mengikut kesesuaian konteks ayat seperti iman, taqwa, Islam, sabar, syukur, petunjuk, kesesatan, buta hati, celik hati yang disebut dalam bentuk kata nama dalam konteks sifat hati yang tetap dan digunakan juga dalam bentuk kata kerja dalam konteks perlakuan yang berulang.

13- Al-Quran al-Karim pada dasarnya menggunakan kata kerja kala lalu dan kala kini untuk masa masing-masing mengikut penggunaan asalnya. Namun, kadang-kadang al-Quran al-Karim menyimpang dan keluar daripada penggunaan biasa ini, maka digunakan kata kerja kala lalu untuk menunjukkan kepastian berlaku sesuatu dan kesungguhan melakukan perbuatan, manakala digunakan kata kerja kala kini untuk menunjukkan maksud berterusan dan memberi gambaran sesuatu dengan jelas.

14- Makna morfologi yang terhasil melalui imbuhan kepada kata kerja mujarrad kadang-kadang dapat difahami dengan jelas dan kebiasaannya ia disebut dalam kitab morfologi, antaranya ialah makna transitif dan banyak serta kuat. Kadang-kadang makna morfologi ini

kurang jelas dan perlu diteliti serta difahami berdasarkan konteks ayat, antaranya ialah makna yang lebih khusus dan sudut yang berbeza.

15- Pada dasarnya, pola yang bersabdu mempunyai makna penegasan, kesungguhan dan penekanan berbanding pola yang tidak bersabdu seperti **فَعَّلَ** dan **أَفْعَلَ**.

16- Al-Quran al-Karim kadang-kadang menukarkan huruf tertentu pada sesuatu pola tanpa sebab biasa morfologi seperti pada pola **أَفْتَعَلَ** dan **تَفَعَّلَ** yang ditukar huruf **ت** pada pola tersebut kepada huruf selepasnya bagi menggambarkan makna yang lebih kuat dan berlebihan.

Daripada sorotan tadi, diperhatikan bahawa secara amnya struktur morfologi bukan sahaja digunakan dengan makna morfologi tertentu sahaja, malah mengandungi maksud-maksud balaghah dan tersirat lain yang luas.

5.1.1.3 Pemilihan Perkataan dan Struktur Morfologi dalam Surah al-Fatihah

1- Perkataan **الْأَسْمَ** yang bererti nama merupakan kata terbitan bagi **سَمًا / السُّمُو** yang bererti “tinggi” atau **وَسَمَ / السَّمَةَ** yang bererti “tanda” kerana nama itu menonjolkan sesuatu dan menjadi tanda pengenalannya pada masa yang sama.

2- Perkataan **الله** berasal daripada perkataan **إِلَهَ** yang bermaksud sembah dan setelah dimasukkan **ألَ** maka ia merupakan kata nama khas yang merujuk khusus kepada Allah SWT sahaja. Ia bukan sahaja memberi maksud Allah SWT sendiri, malah turut memberi maksud bahawa hanya Dia sahaja yang layak disembah. Justeru, perkataan ini mempunyai makna tersuratnya, iaitu Allah SWT sendiri dan juga makna tersiratnya, iaitu yang hanya layak disembah.

Malah apabila dilihat kepada makna-makna asal perkataan **الإِلَهَ** maka perkataan **الله** mempunyai makna-makna tersirat yang lain lagi, iaitu hakikat diri-Nya tidak dapat diketahui hanya dengan menggunakan akal semata-mata, tetapi mesti dengan bantuan

wahyu juga kerana ia di luar kemampuan akal. Dengan mengingati-Nya hati dan jiwa akan merasa tenang dan Dia merupakan tempat memohon pertolongan dan bantuan apabila ditimpa sesuatu musibah.

3- Menyebut nama Allah SWT بِسْمِ اللَّهِ adalah sangat penting untuk sesuatu perbuatan dari sudut perkiraan syara' seolah-olah ia merupakan satu kemestian sehingga dianggap perbuatan tersebut dan hasilnya adalah bergantung kepada menyebut nama Allah SWT secara majaznya. Dalam masa yang sama, menyebut nama Allah SWT juga bertujuan untuk mengambil keberkatan bagi mendapat hasil yang berkesan daripada sesuatu perbuatan secara hakikatnya.

4- Terdapat kata kerja yang digugurkan selepas ungkapan بِسْمِ اللَّهِ iaitu mula melakukan perbuatan tertentu. Keberkatan dan hasil yang diharapkan dari menyebut nama Allah SWT sebelum memulakan sesuatu perbuatan bukanlah hanya terbatas kepada permulaannya sahaja, tetapi berterusan sepanjang perbuatan tersebut, malah selepasnya kerana keberkatan itu bermaksud kesan dan hasil baik yang berterusan.

5- Ungkapan بِسْمِ اللَّهِ yang diucapkan oleh seseorang merupakan pernyataan kehambaan diri yang mutlak kepada Allah SWT bahawa apa yang dilakukannya adalah kerana-Nya dan untuk-Nya serta merupakan penyerahan diri yang total kepada-Nya mengenai hasil perbuatannya.

6- Sesuatu situasi yang memerlukan keberkatan dan hubungan dengan Tuhan yang esa atau menyebut nama-Nya, maka digunakan بِسْمِ اللَّهِ “Dengan nama Allah”, manakala situasi yang memerlukan kemudahan dan bantuan-Nya sendiri, maka digunakan بِاللَّهِ “Dengan Allah”. Contohnya bacaan بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ketika memulakan sesuatu perbuatan. Orang yang membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ketika melakukan sesuatu perbuatan memang memulakannya dengan nama Allah SWT bukannya dengan diri-Nya untuk mendapat keberkatan, manakala orang yang membaca أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

memohon perlindungan kepada Allah SWT sendiri, bukan kepada nama-Nya untuk dijauhkan daripada syaitan.

7- Perkataan الرَّحْمَةَ berasal daripada perkataan الرَّحِمِ yang bererti rahim wanita, iaitu tempat janin berkembang dan memperolehi berbagai bentuk kerehatan dan kenikmatan.

Perkataan الرَّحْمَةَ mempunyai dua dimensi makna, iaitu perasaan dalaman dan perbuatan luaran. Dari sudut perasaan dalaman, ia memberi makna perasaan kasihan belas, kasih sayang dan lembut hati. Manakala dari sudut perbuatan luaran, ia memberi makna berbuat baik dan memberi manfaat kepada orang lain. Apabila dikaitkan dengan Allah SWT ia bermaksud bersikap lembut, memuliakan dan memberi pelbagai nikmat kepada hamba-Nya.

8- Perkataan الرَّحِيمِ dan الرَّحِيمِ ada keunikannya tersendiri dengan mempunyai kedua-dua dimensi syiighat mubaalaghat dan sifat musyabbahat . Ia menunjukkan maksud tinggi, besar dan mendalam yang difahami daripada jenis syiighat mubaalaghat dan juga dalam masa yang sama menunjukkan maksud tetap dan berterusan yang difahami daripada jenis sifat musyabbahat . Kesemua maksud ini memang merupakan sifat Allah SWT.

9- Melihat kepada makna bahasa perkataan الرَّحْمَةَ dan jenis perkataan الرَّحِيمِ dan الرَّحِيمِ dari golongan syiighat mubaalaghat dan sifat musyabbahat yang memberi maksud tinggi, besar, mendalam, tetap dan berterusan serta pola فُعْلَان dan فَعِيل yang memberi makna luas, banyak, tetap dan berterusan, maka perkataan الرَّحِيمِ dan الرَّحِيمِ secara amnya menunjukkan makna kasihan belas, kasih sayang dan lembut hati yang sangat tinggi, besar dan mendalam serta pemberian nikmat yang sangat banyak, luas, tetap dan berterusan.

10- Ketika digunakan secara bersendirian, perkataan الرَّحِيمِ merujuk kepada sifat dalaman, iaitu kasihan belas, kasih sayang dan lembut hati yang sangat tinggi,

besar dan mendalam, manakala الرَّحِيمُ pula merujuk kepada tindakan luaran, iaitu pemberian nikmat sangat banyak, luas, tetap dan berterusan. Hal ini boleh diaplikasikan kepada penggunaan الرَّحِيمُ sebagai sifat zat Allah SWT dan الرَّحِيمُ sebagai sifat perbuatan-Nya dalam al-Quran al-Karim.

11- Ketika digandingkan perkataan الرَّحِيمُ dan الرَّحِيمُ bersama-sama pada sesuatu tempat seperti dalam surah al-Fatihah ini, maka kadar rahmat dan nikmat pada الرَّحِيمُ adalah lebih tinggi dan besar daripada الرَّحِيمُ .

Ini adalah kerana dari sudut bahasa, perkataan الرَّحِيمُ yang berpolakan فَعْلَانٌ memberi maksud banyak, luas dan menyeluruh, tetapi tidak tetap dan berterusan, manakala perkataan الرَّحِيمُ pula yang berpolakan فَعِيلٌ memberi maksud tetap dan berterusan. Sekiranya dibandingkan antara keadaan banyak dan luas tetapi tidak tetap dengan keadaan tetap dan berterusan, didapati bahawa keadaan tetap dan berterusan adalah lebih tinggi. Hal ini juga bersesuaian dengan kebiasaan pengungkapan dalam kalangan orang-orang Arab yang menyebut sesuatu perkara daripada tahap biasa dan umum kepada tahap mendalam dan khusus. Secara amnya juga, cara ini lebih jelas dan menarik berbanding sebaliknya.

Kenyataan ini dapat diaplikasikan kepada banyak pendapat ulama mengenai perbezaan antara kedua-dua perkataan tersebut, iaitu:

- a- Perkataan الرَّحِيمُ menunjukkan makna nikmat yang banyak, manakala perkataan الرَّحِيمُ menunjukkan makna nikmat yang berterusan.
- b- Perkataan الرَّحِيمُ menunjukkan makna nikmat yang besar dan utama, manakala perkataan الرَّحِيمُ menunjukkan makna nikmat yang halus dan terperinci.

c- Perkataan 𐤀𐤃𐤌𐤎𐤐𐤑𐤒𐤓𐤔𐤕𐤖 menunjukkan makna nikmat yang diberikan kepada semua orang termasuk orang kafir, manakala perkataan الرَّحِيمِ menunjukkan makna nikmat khusus yang diberikan kepada orang Islam sahaja.

d- Perkataan 𐤀𐤃𐤌𐤎𐤐𐤑𐤒𐤓𐤔𐤕𐤖 menunjukkan makna rahmat di dunia dan perkataan الرَّحِيمِ menunjukkan makna rahmat di akhirat.

12- Terjemahan 𐤀𐤃𐤌𐤎𐤐𐤑𐤒𐤓𐤔𐤕𐤖 dan الرَّحِيمِ sekiranya dirujuk kepada dimensi perasaan belas kasihan dan kasih sayang, sepatutnya berbunyi “Yang Maha Penyayang lagi Maha Pengasih” kerana mengikut penulis, pengasih lebih tinggi daripada penyayang.

Namun, terjemahan “Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang” juga boleh diterima kerana ia merujuk kepada dimensi tindakan memberi nikmat kepada semua orang termasuk orang kafir, tetapi nikmat yang sebenar ialah apa yang diberikan kepada orang Islam sahaja khususnya nikmat Islam dan Iman yang dikurniakan-Nya hanya berasaskan kasih sayang-Nya yang amat tinggi kepada mereka.

13- Perkataan 𐤀𐤃𐤌𐤎𐤐𐤑𐤒𐤓𐤔𐤕𐤖 mengikut penggunaan al-Quran al-Karim mempunyai ciri khusus tersendiri, kerana ia hanya digunakan untuk Allah SWT sahaja. Bagi penulis, hal ini tidak semestinya menunjukkan bahawa tahap rahmatnya lebih tinggi daripada الرَّحِيمِ . Ini adalah kerana ia mempunyai ciri khusus yang tidak ada pada makhluk, iaitu pemberian nikmat yang sangat banyak dan luas kepada semua makhluk, walaupun ia tidak menggambarkan sifat kasih sayang yang tinggi dan mendalam kepada semua mereka, kerana terdapat dalam kalangan mereka orang kafir yang mengingkari-Nya dan orang Islam yang menderhakai-Nya, tetapi kasih sayang-Nya hanya dicurahkan kepada orang mukmin yang mentaati-Nya sahaja. Dengan kata lain, tindakan-Nya adalah umum kepada semua makhluk-Nya, tetapi kasih sayang-Nya hanya dikhususkan kepada orang mukmin sahaja.

Dari sudut lain pula, walaupun kasihan belas dan kasih sayang ini boleh terputus berasaskan pola فَعْلَان yang menunjukkan keadaan tidak tetap, namun pemberian nikmat

yang sangat banyak itu tetap dan terus diberikan. Namun, kadang-kadang Allah SWT menghentikan nikmat-Nya yang tertentu buat seketika waktu daripada orang-orang tertentu atas sebab-sebab tertentu yang akhirnya memberi kebaikan kepada diri mereka sendiri juga.

14- Perkataan **الْحَمْدُ** mempunyai ciri-ciri makna berikut:

- a- Pujian terhadap untuk yang hidup dan berakal.
- b- Pujian terhadap perbuatan dan sifat.
- c- Pujian terhadap sesuatu yang mempunyai unsur usaha dan pilihan, bukan asal dan semula jadi.
- d- Pujian terhadap perkara yang benar dan menepati realiti.
- e- Pujian terhadap kebaikan sama ada diperolehi oleh pemuji atau tidak diperolehi.
- f- Pujian melalui hati, lidah dan perbuatan. Pujian dengan hati adalah dengan mempunyai perasaan kasih sayang dan pengagongan. Pujian dengan perbuatan pula adalah dengan mematuhi arahan dan meninggalkan larangan.

Perkataan **الْمَدْحُ** pula mempunyai ciri-ciri makna berikut:

- a- Pujian terhadap yang hidup dan bukan hidup.
- b- Pujian terhadap perbuatan dan sifat.
- c- Pujian terhadap sesuatu yang mempunyai unsur pilihan dan juga semula jadi.
- d- Pujian terhadap sesuatu yang benar dan tidak benar.
- e- Pujian terhadap kebaikan yang diperolehi pemuji atau tidak diperolehinya.
- f- Pujian melalui lidah dan perbuatan.

Perkataan **الشُّكْرُ** pula mempunyai ciri-ciri makna berikut:

- a- Pujian terhadap yang hidup sahaja.
- b- Pujian terhadap perbuatan sahaja, bukan sifat.
- c- Pujian terhadap perbuatan yang bersifat pilihan sahaja.
- d- Pujian terhadap yang benar sahaja.
- e- Pujian terhadap kebaikan yang diperolehi oleh pemuji sahaja.
- f- Pujian pula melalui hati, lidah dan anggota badan

15- Partikel **أَل** pada perkataan **الْحَمْدُ** boleh dianggap **الْجِنْسِيَّةُ الْأَسْتِغْرَاقِيَّةُ الْحَقِيقِيَّةُ** yang memberi maksud keseluruhan tanpa pengecualian, maka **الْحَمْدُ** memberi makna semua pujian tanpa terkecuali satu pun dan boleh juga dianggap **الْجِنْسِيَّةُ لِبَيَانِ الْمَاهِيَةِ وَالْحَقِيقَةُ** yang memberi maksud hakikat sebenar, maka **الْحَمْدُ** bererti pujian yang sebenar-benarnya atau sebenar-benar pujian kerana sememangnya keseluruhan pujian pada hakikatnya merupakan hak Allah SWT dan sekiranya diamati ia akan kembali kepada-Nya. Oleh itu, penulis bersetuju dengan terjemahan sebahagian penterjemah yang menterjemahkan **الْحَمْدُ** dengan “segala pujian”.

16- Huruf **لِ** pada perkataan **لِلَّهِ** memberi maksud khusus, layak, milik, kekuasaan dan penguasaan, maka ungkapan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** bermakna pujian itu hanya layak untuk-Nya, pujian itu adalah milik dan kekuasaan-Nya dan Dialah yang menguasai dan mengatasi semuanya. Justeru, ungkapan **لِلَّهِ** sewajarnya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan “tertentu bagi Allah”.

17- Ungkapan **الْحَمْدُ لِلَّهِ** merupakan ayat penyata, tetapi digunakan dengan makna insya’ atau mengadungi makna insya’ kerana realitinya orang-orang Islam menggunakannya untuk memuji Allah SWT dengan rasa penuh pengagongan dan kebesaran serta membayangkan betapa besarnya kurnian dan nikmat Allah SWT kepada mereka.

18- Perkataan **رَبِّ** mempunyai empat ciri makna, iaitu:

- a- Pembela/pemelihara atau penjaga yang sempurna.

- b- Pemimpin yang memimpin, ketua yang mentadbir, pengurus yang mengurus.
- c- Pelaku pembaikan
- d- Pemilik

Secara amnya, ia mempunyai dua ciri utama, iaitu pemilik dan juga pengurus atau pentadbir yang merangkumi maksud pemelihara, penambahbaik dan seumpamanya. Antara dua ciri ini, ciri pentadbir atau pengurus adalah lebih relevan berdasarkan penggunaannya oleh orang Arab. Justeru, terjemahan perkataan Melayu yang paling sesuai digunakan bagi perkataan رَبِّ ialah pentadbir atau pengurus.

Perkataan رَبِّ pada asalnya tidak semestinya memberi maksud Tuhan. Namun, dari sudut penggunaannya, ia memberi maksud Tuhan atau Allah SWT sekiranya digunakan bersendirian tanpa dikaitkan dengan sebarang perkataan lain khususnya apabila dimasukkan أَلْ atau digabungkan dengan perkataan lain yang gabungan itu merujuk kepada-Nya sahaja . Maka, pada ketika ini, ia boleh diterjemahkan dengan perkataan Tuhan. Namun terjemahannya dengan pentadbir lebih menampakkan perbuatan dan proses, kerana Tuhan lebih membawa maksud sembah atau boleh diterjemahkan dengan Tuhan Pentadbir.

19- Perkataan الْعَالَمِينَ berasal daripada الْعَلَامَة yang bererti tanda dan ia merangkumi semua makhluk, bukan yang berilmu dan berakal sahaja. Mufradnya الْعَالَم pada asalnya dalam bahasa Arab tidak merujuk kepada makhluk secara tunggal atau satu persatu, tetapi secara berkelompok dan sejenis. Namun, dalam al-Quran al-Karim, kadang-kadang menggunakannya untuk makhluk berakal secara tunggal atau individu kerana setiap individu manusia itu merupakan satu alam tersendiri. Ini adalah kerana setiap manusia sebenarnya merupakan alam tersendiri yang merangkumi fizikal, spiritual, mental dan emosi dengan sistem yang sangat kompleks.

20- Pola perkataan الْعَالَمِ dalam bahasa Arab menunjukkan alat yang menunjukkan bahawa alam ini sebagai alat untuk mengetahui Penciptanya.

21- Perkataan الْعَالَمِ dijamakkan dengan jamak mudhakkar saalim الْعَالَمِينَ walaupun ia merangkumi benda-benda yang tidak berakal berdasarkan kaedah taghliib, iaitu menggunakan sesuatu bentuk yang lebih dominan dari sudut morfologinya. Dari sudut maknanya pula, benda-benda yang tidak berakal seperti binatang juga mempunyai tiga ciri utama yang sama dengan manusia yang berakal, iaitu kehidupan, pemakanan dan pembiakan.

22- Ungkapan رَبِّ الْعَالَمِينَ menunjukkan makna tauhid, iaitu keesaan Allah SWT kerana maksud الْعَالَمِينَ ialah selain Allah SWT maka pastinya Allah SWT hanya satu atau esa sahaja. Tauhid di sini ialah tauhid rububiah yang menuntut manusia supaya mengikuti semua syariat dan ajaran Allah SWT kerana Dialah yang mencipta dan mengurus semua urusan mereka dan mereka memerlukan kepada-Nya dalam semua keadaan dan setiap masa, maka pastinya Dia lebih mengetahui apa yang terbaik untuk mereka yang ditentukan melalui syariat dan ajaran Islam.

23- Pengulangan الرَّحِيمِ ۞ selepas رَبِّ الْعَالَمِينَ bukanlah berfungsi sebagai penegasan tetapi memberi satu maksud baru bahawa penjagaan Allah Taala terhadap sekalian alam ini adalah kerana luas rahmat dan ihsan-Nya, dengan kata lain rububiah-Nya merupakan rubiah rahmat dan ihsan. Ia juga berfungsi mengimbangkan antara maksud kebesaran dan kerahmatan, kerana perkataan رَبِّ mungkin difahami kebesaran dan paksaan, lalu disebut pula setelah itu الرَّحِيمِ ۞ supaya berlaku keseimbangan antara kebesaran dan kerahmatan.

24- Perkataan مَالِكِ yang bererti pemilik merupakan sifat musyabbahat kerana ia merujuk kepada Allah SWT yang pastinya memiliki semua makhluk secara tetap selama-lamanya.

25- Perkataan مَالِكِ yang merujuk kepada Allah SWT mempunyai ciri-ciri berikut:

- a- Kebebasan bertindak ke atas sesuatu yang dimiliki-Nya.
- b- Kepatuhan dan ketundukan yang mutlak oleh makhluk kepada-Nya.
- c- Sifat kasihan belas dan kasih sayang kepada makhluk-Nya.

26- Perkataan مَالِك hanya disebut kepada sesuatu yang telah sedia ada, sedangkan qiamat belum lagi berlaku. Sebabnya adalah untuk menunjukkan bahawa qiamat merupakan satu peristiwa yang pasti berlaku, maka ia diungkapkan sebagai sesuatu yang seolah-olah telah pun sedia wujud dan berlaku sekarang ini.

27- Perkataan يَوْم yang bererti hari memberi maksud masa dan zaman serta apa yang ada dan berlaku pada masa itu. Ini disebut dalam balaghah sebagai *majaz mursal* melalui hubungan masa, iaitu disebut masa dan dikehendaki ialah apa yang berlaku pada masa itu.

28- Perkataan الدَّيْن mempunyai empat ciri makna, iaitu:

- a- Hisab atau perhitungan
- b- Taat atau agama
- c- Balas
- d- Paksaan dan ketundukan

Keempat-empat makna ini sesuai bagi hari qiamat, kerana ia merupakan hari perhitungan dan pengadilan yang berlandaskan ketaatan kepada agama dan seterusnya dijalankan pembalasan yang seadilnya dan semua makhluk pada hari itu terpaksa patuh dan tunduk pada proses pengadilan dan pembalasan.

29- Ibadah mempunyai ciri-ciri berikut:

- a- kemuncak ketundukan yang mutlak.
- b- kemuncak rasa kehinaan
- c- perasaan dalaman hati bahawa yang diberikan ketundukan itu memiliki sifat keagongan dan kekuasaan.

- d- mengagongkan
- e- melakukan suruhan
- f- meninggalkan larangan
- g- semua keadaan, masa dan tempat

Sehubungan dengan itu, perkataan نَعْبُدُ dalam bentuk kata kerja kala kini yang memberi maksud sentiasa dan berterusan, bermaksud:

- 1- Kami memberi kemuncak ketundukan yang mutlak.
- 2- Kami mempunyai kemuncak rasa kehinaan.
- 3- Kami merasakan dalam hati kami bahawa yang diberikan ketundukan itu memiliki sifat keagongan dan kekuasaan.
- 4- Kami mengagongkan.
- 5- Kami melakukan suruhan.
- 6- Kami meninggalkan larangan.
- 7- Kami melakukan semua itu secara berterusan dalam semua keadaan, masa dan tempat.

Justeru, perkataan نَعْبُدُ seharusnya diterjemahkan dengan “Kami sentiasa mengabdikan diri/memperhambakan diri”. Terjemahan “kami sembah” sebagaimana yang terdapat dalam sebahagian terjemahan adalah kurang tepat kerana tidak mempunyai ciri-ciri: ketundukan yang mutlak, meninggalkan larangan dan semua keadaan, masa dan tempat.

30- Memohon pertolongan mempunyai ciri-ciri berikut:

- a- Terdapat kelemahan pada pemohon untuk melakukan sesuatu perbuatan.
- b- Meminta pertolongan untuk menjayakannya.
- c- Pertolongan yang dipohon berbentuk sesuatu yang boleh mencapai tujuan dan menghapuskan halangan.

d- Usaha yang maksima telah dilakukan untuk menjayakannya.

Sehubungan dengan itu, perkataan **نَسْتَعِينُ** dalam bentuk kata kerja kala kini yang memberi maksud sentiasa berterusan bermaksud:

- 1- Tedapat kelemahan pada kami untuk melakukan sesuatu perbuatan. Ini bertitik tolak daripada hakikat kami adalah hamba yang penuh dengan segala kelemahan.
- 2- Kami sentiasa meminta pertolongan untuk menjayakannya.
- 3- Pertolongan yang kami pohon merupakan sesuatu yang boleh mencapai tujuan dan menghapuskan halangan.
- 4- Kami telah pun berusaha melakukannya semaksima mungkin untuk menjayakannya.

Justeru, perkataan **نَسْتَعِينُ** seharusnya diterjemahkan dengan “kami sentiasa memohon pertolongan/bantuan”.

31- Pengulangan **إِيَّاكَ** dua kali sebelum kata kerja mengabdikan diri **نَعْبُدُ** dan kata kerja meminta pertolongan **نَسْتَعِينُ**, bertujuan untuk menunjukkan bahawa kedua-dua kata kerja tersebut adalah dimaksudkan secara berasingan atau bersendirian dan tidak semestinya bersama atau serentak.

32- Pengabdian diri **نَعْبُدُ** disebut dahulu sebelum memohon pertolongan **نَسْتَعِينُ** kerana beberapa sebab, antaranya yang paling utama ialah pengabdian diri merupakan hak dan bahagian Allah, manakala memohon bantuan merupakan bahagian hamba, maka hak Allah lebih utama didahulukan dan juga pengabdian diri merupakan sebab kepada permintaan pertolongan dan sebaliknya permintaan pertolongan juga merupakan sebab kepada pengabdian diri.

33- Perkara yang dipohon adalah umum dan merangkumi semua perkara, namun memohon bantuan untuk beribadat adalah yang utamanya berbanding dengan perkara lain.

34- Sebab penggunaan ganti nama “kami” pada perkataan نَعْبُدُ dan نَسْتَعِينُ setelah disebut pujian dan sifat-sifat Allah SWT yang disebut sebagai الْأَلِيْفَاتِ adalah agar seseorang hamba menyebutnya dengan penuh penghayatan hati.

35- Penggunaan ganti nama diri untuk ramai “kami” pada perkataan نَعْبُدُ dan نَسْتَعِينُ menunjukkan bahawa hidup, bekerja dan melakukan sesuatu secara berjamaah terutamanya dalam beribadat adalah lebih baik dan digalakkan dalam Islam daripada hidup dan melakukan sesuatu secara bersendirian.

36- Mendahulukan objek, iaitu ganti nama “Engkau” daripada kata kerja “mengabdikan diri” dan “memohon pertolongan” mempunyai dua tujuan, iaitu الْحَصْرُ وَالْاِخْتِصَاصُ yang bermaksud “hanya” dan الْأَهْتِمَامُ yang bermaksud mengambil berat atau memberi penekanan. Makna “hanya” boleh diaplikasi kepada إِيَّاكَ نَعْبُدُ yang bermaksud pengabdian diri hanya dilakukan kepada Allah SWT sahaja secara hakikat dan zahir, manakala makna penekanan boleh diaplikasi kepada إِيَّاكَ نَسْتَعِينُ yang bermaksud memohon pertolongan kepada Allah SWT adalah difokuskan dan diberi penekanan secara hakikatnya, tanpa menafikan memohon pertolongan kepada makhluk secara zahirnya. Justeru, maksud ayat إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ialah “Hanya kepada-Mu kami sentiasa memperhambakan diri dan hanya daripada-Mu kami sentiasa memohon pertolongan”.

37- Maksud اِهْدِنَا ialah berilah panduan dan petunjuk kepada kami mengenai Islam melalui memahaminya dengan sebenar dan mengamalkannya dengan berkualiti secara langsung melalui penerangan dan pengajaran atau tidak langsung melalui ilham dan idea secara baik dan lembut untuk mengikuti petunjuk tersebut dan mendapat keredaan Allah SWT.

38- Terdapat dua perkara yang dipohon mengenai petunjuk. Pertamanya penetapan dan konsisten atas kebenaran petunjuk tersebut tanpa menyeleweng daripadanya ke arah jalan kebatilan. Keduanya ialah penambahan petunjuk yang sedia dimiliki dan diamalkan.

39- Penggunaan هَدَىٰ tanpa penggunaan harf jarr memberi maksud membimbing orang yang belum mendapat hidayat supaya sampai kepada jalan tersebut atau orang yang telah sampai kepadanya dengan menerangkan secara terperinci selok belok jalan itu seterusnya memastikan dan menjadikannya mampu menjalaninya dengan mudah sehingga benar-benar sampai ke matlamat akhir yang ingin dicapai.

40- Maksud اهْدِنَا dalam surah al-Fatihah ini yang merujuk kepada orang Islam sahaja, ialah kami meminta agar diberikan hidayat kepada orang yang sudah pun berada di jalannya dengan diperjelaskan hidayat dan kepada orang yang sesat dan menyeleweng daripada kebenaran dengan dikembalikan kepada hidayat. Kami juga memohon konsisten atas jalan yang lurus dan tetapkan petunjuk serta tambahkannya.

41- Penggunaan ganti nama نَا pada perkataan اهْدِنَا yang merujuk kepada bilangan ramai menunjukkan bahawa Islam menggalakkan umatnya menyukai kebaikan untuk orang lain sebagaimana untuk diri sendiri.

42- Perkataan الصِّرَاط yang bererti “jalan” mempunyai lima ciri, iaitu jalan yang lurus, mudah, boleh dilalui, luas dan boleh menyampaikan kepada matlamat.

43- Partikel آل dari jenis الْعَهْدِيَّة الْعَلَمِيَّة pada perkataan الصِّرَاط menunjukkan jalan tertentu yang sedia dimaklumi, iaitu agama Islam yang ditentukan oleh Allah SWT kepada orang-orang yang ingin mendapat keredaan-Nya. Bentuk mufradnya menunjukkan bahawa jalan kebenaran hanyalah satu sahaja.

44- Perkataan الْمُسْتَقِيم pula bererti lurus, tidak menyimpang daripada matlamat, sama dan tidak kasar yang membawa kepada maksud mudah untuk dilalui dan cepat sampai ke matlamat.

45- Ungkapan الصِّرَاط الْمُسْتَقِيم mempunyai ciri-ciri berikut:

- a- Ia merupakan jalan yang paling dekat dan pendek.

- b- Ia hanya satu, tiada kekeliruan, jauh daripada ketakutan dan merbahaya serta lebih selamat, kerana jalan yang lain adalah bengkok, mengelirukan dan merbahaya.
- c- Ia menyampaikan kepada matlamat.
- d- Ia tidak berubah, kerana jalan yang bengkok mungkin berubah.

Maksud الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ ialah semua perkara yang boleh memberi kebahagiaan dunia dan akhirat dalam bentuk aqidah, adab, hukum, ajaran dan sebagainya. Ia merupakan isti'araṭ taṣrihiyyaṭ yang memberi gambaran dan maksud yang lebih luas, bukan sahaja segala perkara yang membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat secara amnya, malah merangkumi segala ciri-ciri yang disebutkan tadi seperti lurus, luas, mudah, satu dan sampai ke matlamat.

46- Nikmat bermaksud ilmu yang berasaskan akal, iman yang bertonggakkan aqidah dan Islam yang berteraskan amal dan berlandaskan al-Quran al-Karim serta Sunah Nabi SAW yang semuanya merupakan kurnian Allah SWT kepada hamba-Nya secara ikhlas tanpa Dia memperolehi sedikit manfaat pun daripadanya.

47- Orang yang telah dikurniakan nikmat ialah orang Islam yang memiliki ciri-ciri nikmat khususnya para Nabi, Siddiq, orang mati syahid dan salih.

48- Penggunaan kata kerja kala lalu أَنْعَمْتَ memberi maksud berikut:

- a- Nikmat itu diberikan pada masa lepas.
- b- Terdapat orang-orang terdahulu yang telah mendapat nikmat, iaitu para Nabi, siddiq, orang mati syahid dan salih.
- c- Jalan orang dahulu dan sekarang adalah sama dan terdapat kesinambungan.
- d- Nilai dan tahap jalan dahulu dan jalan sekarang adalah sama.
- e- Ramai orang yang mendapat nikmat tersebut dari dahulu hingga sekarang.

49- Penggunaan kata kerja **أَنْعَمْتَ** dalam bentuk aktif (**الْمَعْلُومِ**) dengan disebut ganti nama **ت** yang merujuk kepada Allah SWT menunjukkan bahawa hanya Allah SWT sahaja yang dapat memberi nikmat hidayah, lalu perlu bersyukur kepada-Nya atas pemberian nikmat hidayah ini, di samping berfungsi sebagai satu penghormatan dan mengangkat martabat penerima nikmat hidayah.

50- Dalam al-Quran al-Karim, perbuatan baik, rahmat dan pemurah disandarkan kepada Allah SWT, tetapi perbuatan keadilan, pembalasan baik dan buruk digugurkan pelakunya dan dinyatakan dalam bentuk pasif sebagai adab bercakap.

51- Sifat marah secara amnya ialah perasaan tidak suka pada tahap tinggi yang menimbulkan keinginan untuk mengambil tindakan buruk kepada orang yang dimarahi disebabkan perlakuan yang tidak disukai. Manakala kemurkaan Allah SWT secara khususnya pula bererti keadaan tidak suka pada tahap tinggi yang menimbulkan keinginan untuk mengenakan balasan terhadap hamba-Nya kerana menderhaka dan melakukan maksiat sama ada dengan melanggar larangan-Nya atau meninggalkan suruhan-Nya.

52- Orang yang dimurkai ialah orang yang mempunyai ciri dan sebab kemarahan berikut:

- a- Menolak kebenaran.
- b- Tidak menggunakan akal
- c- Membelakangi dalil
- d- Menerima sahaja sesuatu yang diwarisi
- e- Taqlid
- f- Mengikut hawa nafsu
- g- Tidak beramal dengan kebenaran.

53- Orang-orang yang dimurkai ialah orang Yahudi, kafir dan fasiq, kerana ciri dan sebab kemarahan terdapat pada diri mereka. Orang Yahudi dan kafir menolak Islam kerana tidak menggunakan akal mereka dan mengikut warisan agama dahulu serta mengikut hawa nafsu,

sementara orang fasiq pula tidak beramal dengan ajaran Islam walaupun telah menerima Islam sebagai agama mereka.

54- Penggunaan bentuk kata nama pada perkataan **الْمَعْضُوبُ** bertujuan untuk merangkumi semua zaman dan menunjukkan sifat tetap dan berterusan yang membawa maksud bahawa kemurkaan ke atas mereka adalah tetap dan berterusan selama mana sebab kemurkaan itu masih berada pada diri mereka kecuali mereka bertaubat dan kembali ke jalan yang lurus.

55- Penggunaan pola pasif pada perkataan **الْمَعْضُوبُ** menunjukkan bahawa kemarahan itu bukan sahaja datangnya daripada Allah SWT sahaja, bahkan turut dikongsi oleh hamba-hamba lain Allah SWT kepada orang-orang yang terkeluar daripada golongan yang tidak memperolehi hidayat, di samping berfungsi sebagai satu penghinaan dan merendahkan diri mereka .

56- Penggunaan **غَيْرِ** yang bererti bukan sebelum perkataan **الْمَعْضُوبُ** yang bererti orang yang dimurkai, memberi maksud wujudnya perbezaan yang nyata antara golongan yang diberi nikmat dan golongan yang dimurkai.

57- Orang yang sesat mempunyai ciri berikut yang merupakan sebab kesesatan itu sendiri:

- a- Tidak mempunyai ilmu pengetahuan sama sekali.
- b- Mempunyai pengetahuan yang salah.
- c- Keliru dan penyimpangan daripada kebenaran.
- d- Kekeliruan dan penyimpangan itu adalah dengan kehendak, pilihan dan usaha sendiri.

58- Orang-orang yang sesat ialah orang Kristian, orang yang melakukan kesalahan aqidah dan orang munafiq. Orang Kristian memang sangat jahil dari sudut aqidah kerana mereka mempercayai trinity yang sangat tidak logik, iaitu tuhan itu tiga dalam satu. Begitu juga dengan orang yang melakukan kesalahan aqidah dengan segala bentuknya adalah jahil juga

kerana pegangan mereka tidak berlandaskan ilmu pengetahuan. Manakala orang munafiq pula, walaupun mereka mengetahui kebenaran, tetapi mengingkarinya secara dalaman dan tersasar daripada jalan yang benar.

59- Penggunaan perkataan الضَّالِّينَ dalam bentuk kata nama, iaitu اسْمُ الْفَاعِلِ, bertujuan untuk merangkumi semua zaman dan menunjukkan bahawa kesesatan mereka adalah tetap dan berterusan selama mana sebab kesesatan itu masih berada pada diri mereka kecuali mereka berusaha mencari ilmu pengetahuan seterusnya mengikuti jalan yang benar.

60- Penggunaan √ memberi maksud perbezaan antara setiap golongan secara berasingan. Dengan kata lain, golongan yang diberi nikmat, golongan yang dimurkai dan golongan yang sesat merupakan golongan tersendiri dengan ciri masing-masing.

61- Manusia terbahagi kepada tiga golongan:

- a- Golongan yang taat beramal dan mempunyai ilmu. Justeru, mereka dikurniakan nikmat oleh Allah SWT.
- b- Golongan yang melakukan maksiat dan tidak beramal serta mengikut hawa nafsu tetapi mempunyai ilmu. Justeru, mereka mendapat kemurkaan yang besar.
- c- Golongan yang jahil dan tidak berilmu pengetahuan tetapi beramal. Justeru, mereka sesat daripada kebenaran.

Daripada semua rumusan khusus yang disebut, dapat disimpulkan bahawa perkataan dan struktur morfologi dalam surah al-Fatihah secara khasnya dan al-Quran al-Karim secara amnya dipilih atas sebab dan perkiraan yang sangat terperinci berkaitan makna dengan mengeksploitasi ciri kehalusan perkataan dan kepelbagaian pola perkataan Arab yang menjurus kepada makna yang tepat, halus, ringkas, padat dan luas berdasarkan konteks ayat. Ia juga mempunyai isyarat-syarat dan maksud-maksud tersirat yang memberi banyak pengajaran kepada manusia. Tafsiran dan pendapat yang diutarakan oleh ahli tafsir secara amnya boleh dikatakan perbezaan kepelbagaian, bukannya perbezaan pertentangan yang

menunjukkan keluasan dan kehalusan makna al-Quran al-Karim. Semuanya ini menyerlahkan al-Quran al-Karim sebagai satu-satunya kitab mukjizat yang tiada tandingannya sama sekali.

Penulis berpendapat bahawa sebagaimana agama Islam sendiri merupakan agama yang syumul atau konfrehensif, maka al-Quran al-Karim juga menggunakan metode yang sama dalam membuat pemilihan perkataan dan struktur morfologi. Hal ini menuntut supaya sesuatu isu khususnya isu bahasa tidak harus dilihat dari satu sudut atau pandangan sahaja, tetapi pelbagai sudut dan pandangan.

Dari sudut lain, diperhatikan bahawa Teori Komponen Makna sangat sesuai digunakan untuk mengetahui makna sebenar sesuatu perkataan dalam al-Quran al-Karim melalui analisis ciri-ciri maknanya. Begitu juga dengan Teori Konteks untuk mengenal pasti makna yang tepat khususnya ketika dibuat perbandingan dengan perkataan lain yang hampir sama.

5.1.2 Rumusan Umum

Dalam rumusan umum ini, penulis akan menyebut rumusan dan kesimpulan umum yang tidak berkaitan dengan al-Quran al-Karim, tetapi bahasa Arab secara amnya termasuk metodologi kajian bahasa khususnya al-Quran al-Karim.

5.1.2.1 Berkaitan semantik

1- Kebanyakan teori semantik Barat –kalau pun tidak kesemuanya- walaupun tiada ditemui secara khusus dalam konteks bahasa Arab, namun didapati bahawa ideanya telah pun ada dan boleh ditemui melalui kata-kata ahli bahasa dan ketika mereka menganalisis sesuatu teks khususnya al-Quran al-Karim.

Dalam konteks Teori Komponen Makna, Ibn al-Qayyim umpamanya ketika menganalisis perkataan الصِّرَاط dalam surah al-Fatihah telah menyatakan bahawa ia mempunyai lima ciri, iaitu lurus, mudah, boleh dilalui, luas dan dapat menyampaikan kepada tujuan. Begitu juga dengan Teori Konteks Perkataan, Ibn al-Qayyim juga menerangkan tentang fungsi dan kepentingan konteks ayat dalam menentukan sesuatu makna secara tepat seperti mujmal, muhtamal dan sebagainya.

2- Teori Komponen Makna dan Teori Konteks sangat sesuai digunakan untuk menganalisis makna sesuatu perkataan khususnya untuk tujuan mengenal pasti ciri-ciri makna khususnya ketika dibuat perbandingan dengan perkataan lain yang hampir sama.

3- Makna perkataan khususnya dalam konteks bahasa Arab dapat dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: makna tersurat, makna tersirat, makna majazi dan makna kinayah.

4- Secara amnya, sinonim memang terdapat dalam bahasa Arab kerana ia merupakan realiti penggunaan bahasa, khususnya apa yang disebut sebagai separa sinonim yang wujud dengan kadar yang agak banyak. Begitu juga dengan sinonim lengkap yang wujud dengan kadar yang sangat sedikit sahaja.

Sebenarnya perbezaan antara golongan yang menerima sinonim dan menolaknya boleh dikatakan perbezaan lahiriah dan teknikal sahaja, bukannya perbezaan hakiki, kerana golongan yang menerima kewujudannya hanya melihat secara umum dan golongan yang menolaknya melihat secara terperinci.

5- Secara amnya, polisemi dengan maksud satu perkataan yang mempunyai banyak makna bukan disebabkan perkembangan bunyi memang wujud dalam bahasa Arab. Namun, untuk perkataan yang mempunyai dua makna yang bertentangan, ia mempunyai istilah lain dalam bahasa Arab, iaitu tadaadd walaupun hakikatnya ia merupakan polisemi juga. Kewujudan kedua-dua unsur bahasa ini merupakan realiti yang tidak boleh ditolak dalam penggunaan bahasa Arab pada mana-mana zaman.

6- Homonim dengan maksud satu perkataan yang mempunyai banyak makna disebabkan perkembangan bunyi tidak ada dalam bahasa Arab standard, kerana perkataan Arab secara amnya bersifat tetap disebabkan ia berkaitan dengan al-Quran al-Karim dan Hadis Nabi SAW.

5.1.2.2 Berkaitan Morfologi

1- Pembahagian kata kerja bahasa Arab kepada kata kerja kala lalu, kini dan suruhan, walaupun pada dasarnya menunjukkan masa masing-masing, namun masanya boleh berubah kepada masa lain berdasarkan kata tugas tertentu yang hadir sebelumnya atau konteks ayat.

2- Kata kerja transitif dan tak transitif ditentukan dengan melihat kehadiran harf jarr selepas sesuatu kata kerja. Sekiranya harf jarr hadir, maka kata kerja itu dikategorikan sebagai tak transitif dan sekiranya tidak ia adalah transitif. Penggunaan harf jarr pula adalah berdasarkan penggunaan orang Arab sendiri. Kadang-kadang terdapat dua kata kerja yang mempunyai maksud yang sama, tetapi penggunaan harf jarr adalah berbeza yang menjadikan salah satunya dikategorikan sebagai transitif dan kata kerja yang satu lagi sebagai tak transitif.

3- Sesuatu kata kerja kadang-kadang mempunyai lebih daripada satu bentuk maşdar disebabkan banyak kabilah Arab dan perbezaan makna.

4- Antara pola yang agak unik dalam sifat musyabbahaţ ialah فَعِيل yang mana sekiranya dikehendaki makna yang lebih kuat dan berlebihan ia boleh ditukar kepada pola فُعَال dan sekiranya dikehendaki makna yang lebih kuat dan berlebihan lagi ia boleh ditukar menjadi فُعَال seperti كَبِير yang boleh ditukar menjadi كُبَّار seterusnya كُبَّار.

5- Terdapat pola samaa'iy yang menunjukkan makna kata nama objek dan ia lebih kuat berbanding dengan kata nama objek qiyaasiyy seperti رَجِيم dan مَرْجُوم.

- 6- Berdasarkan penggunaan al-Quran al-Karim, boleh dikatakan bahawa kata nama pelaku menunjukkan makna yang agak tetap secara nisbiyy atau relatif tetapi tidak berterusan.
- 7- Pola kata nama pelaku dan şifat musyabbahat adalah bersilih ganti, dengan kata lain sekiranya sesuatu perkataan itu mempunyai pola kata nama pelaku, maka ia tidak mempunyai pola şifat musyabbahat .
- 8- Şifat musyabbahat tidak mempunyai kata nama pelaku, manakala şiighat mubaalaghat mempunyai pola kata nama pelaku yang ia dibentuk daripadanya untuk memberi makna kuantiti atau kualiti berlebihan.
- 9- Şiighat mubaalaghat menunjukkan makna yang kadarnya melebihi kadar kata nama pelaku, manakala şifat musyabbahat secara amnya menunjukkan makna tetap dan berterusan. Justeru, şifat musyabbahat dan şiighat mubaalaghat merupakan dua pola yang tidak bertemu pada sesuatu perkataan, namun secara amnya kedua-dua struktur ini mempunyai makna yang kuat.
- 10- Pada dasarnya, perbuatan dan sifat pada kata nama pelaku adalah agak tetap secara relatif, tetapi pada şifat musyabbahat adalah tetap dan berterusan, sementara pada şiighat mubaalaghat ia adalah lebih kuat berbanding dengan kata nama pelaku.
- 11- Şiighat mubaalaghat merupakan struktur perbandingan dengan kata nama pelaku yang kadar maknanya melebihi kadar makna kata nama pelaku. Manakala şifat musyabbahat merupakan struktur penggantian dengan kata nama pelaku.
- 12- Pada dasarnya, kata nama pelaku menunjukkan perbuatan atau sifat pertengahan antara tetap dan berubah-ubah. Ia tidak tetap dan berterusan sebagaimana tetap dan berterusannya makna sifat musyabbat dan ia juga tidak berubah-ubah sebagaimana berubahnya makna kata kerja.

13- Pada dasarnya, kata kerja menunjukkan perbuatan dan masa. Apabila berhubung dengan ganti nama, ia turut menunjukkan pelaku dengan ciri jantina dan bilangan. Di samping itu, ia juga turut menunjukkan aktif atau pasif dan transitif atau tak transitif. Maşdar pula hanya menunjukkan perbuatan sahaja tanpa adanya unsur masa atau pelaku.

(a) Berkaitan metodologi

1- Sesuatu pola atau struktur bahasa memang digunakan dalam al-Quran al-Karim dengan makna tertentu dari sudut bahasanya, tetapi sekiranya ia digunakan dengan makna yang berbeza dalam konteks tertentu, maka ketika itu ia harus dilihat dari sudut lain, terutamanya tujuan-tujuan balaghahnya.

2- Sekiranya sesuatu pola atau struktur bahasa itu digunakan dalam al-Quran al-Karim dengan kadar yang banyak, maka ia menunjukkan makna dan kaedahnya yang umum dan menyeluruh. Namun, sekiranya terdapat pola atau struktur bahasa lain turut digunakan, tetapi dengan kadar yang sedikit, maka ia harus dilihat dan ditafsir dari sudut lain, khususnya balaghah.

3- Apabila terdapat perbezaan pendapat yang banyak dan ketara antara ulama dan ahli bahasa mengenai sesuatu isu, maka boleh dijadikan metodologi berikut sebagai landasan:

- a- Penggunaannya mengikut bahasa Arab sendiri, kerana ia merupakan asas perbezaannya dan al-Quran al-Karim diturunkan dengan bahasa Arab yang pastinya mengambil kira aspek bahasa Arab untuk memberi kefahaman kepada manusia.
- b- Penggunaannya dalam al-Quran al-Karim sendiri, kerana kadang-kadang al-Quran al-Karim menggunakan sesuatu perkataan dan pola dari aspek yang khusus dan terperinci.

5.2 Cadangan

Cadangan yang akan diutarakan ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertamanya cadangan khusus berkaitan kajian mengenai bahasa Arab dan al-Quran al-Karim sendiri. Keduanya ialah cadangan umum yang tidak berkaitan dengan kajian bahasa tetapi perkara lain seperti pengajaran dan sebagainya.

5.2.1 Cadangan Khusus

1- Perlunya menggunakan metode statistik dan analisis menyeluruh (*istiqraa' taamm*) tentang sesuatu isu dalam al-Quran al-Karim khususnya yang berlaku perbezaan pendapat yang banyak dan ketara mengenainya. Perbezaan pendapat dalam kalangan mereka berlaku disebabkan kajian yang tidak menyeluruh (*istiqraa' naaqiṣ*) dan kelemahan manusia dalam memahami keluasan ilmu Allah SWT.

Penulis bersetuju dengan pendapat 'Abd al-'Aziim yang menyatakan bahawa setiap huruf, perkataan dan ayat dalam al-Quran al-Karim digunakan dengan perkiraan yang terperinci dan disusun dalam bentuk yang paling baik. Ia merupakan khazanah pemikiran dan kenikmatan sastera. Kita perlu kepada satu metode yang menyeluruh mengkaji uslub dan strukturnya dari sudut ungkapan dan makna, membandingnya dan mengeluarkan rumusannya, kerana masih banyak perkara dalam al-Quran al-Karim yang belum dikaji.¹

Dalam konteks yang lebih luas terdapat satu metode dan istilah yang diguna pakai dalam mentafsir al-Quran al-Karim yang disebut sebagai "tafsir maḍuu'iy". Ia merujuk kepada kajian mengenai sesuatu istilah dan konsep tertentu dalam al-Quran al-Karim secara menyeluruh seperti konsep manusia, syurga, neraka dan sebagainya. Kajian-kajian seperti ini perlu dilakukan dengan lebih banyak lagi mengenai pelbagai istilah dan konsep yang terdapat dalam al-Quran al-Karim.

Contohnya ialah perkataan $\Pi \odot \blacklozenge \wp \rho \square \blacksquare \textcircled{2} \textcircled{3} \textcircled{4} \textcircled{5} \textcircled{6} \textcircled{7} \textcircled{8} \textcircled{9} \textcircled{10}$ dan الرَّحِيم sendiri, walaupun penulis telah membuat rumusan dan kesimpulannya mengenainya, tetapi ia berdasarkan pendapat

¹ 'Abd al-'Aziim. Khaṣaa'is al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 2/145.

ulama dan ahli bahasa sahaja, tanpa melihat kepada keseluruhan penggunaan kedua-dua perkataan tersebut

dalam al-Quran al-Karim. Begitu juga kenyataan Ibn al-Qayyim bahawa dalam al-Quran al-Karim, perbuatan baik, rahmat dan pemurah disandarkan kepada Allah SWT, tetapi perbuatan keadilan, pembalasan baik dan buruk digugurkan pelakunya dan dinyatakan dalam bentuk pasif sebagai adab bercakap. Apabila dibuat kajian yang menyeluruh, maka ketika itu rumusan dan kesimpulan mengenainya mungkin akan berlaku perubahan tertentu.

Antara kajian yang pernah dilakukan dengan metode ini ialah kajian oleh Shukriah Bt. Che Kasim bertajuk “Perkataan Zikir Dalam Al-Quran Dan Perbahasannya Dari Sudut Al-Balaghah”. Namun, kajian seperti ini tidak banyak dilakukan terutamanya di Malaysia. Justeru, perlu diperbanyakkan kajian yang menggunakan metode menyeluruh ini.

Dengan kajian yang menyeluruh ini, diharapkan agar dapat ditemui satu kaedah dan panduan umum bagi struktur morfologi dan juga nahu dalam memahami dan mentafsir al-Quran al-Karim, bukannya hanya sekadar pandangan peribadi mengenai sesuatu ayat yang apabila dilihat kepada ayat lain, maka ia tidak menepatinya.

2- Membuat kajian mengenai sesuatu isu bahasa dengan metode menyeluruh yang turut dilihat dari disiplin ilmu lain khususnya berkaitan ilmu agama seperti fiqh, usul fiqh, qawa'id fiqhiah dan usuludin.

3- Membuat kajian mengenai struktur yang lebih luas daripada morfologi, iaitu nahu, uslub dan wacana dalam al-Quran al-Karim.

4- Antara tajuk yang boleh dibuat kajian dengan lebih mendalam dalam al-Quran al-Karim ialah:

- a- Teori semantik moden dan kewujudan asas dan dasarnya dalam disiplin ilmu bahasa Arab.

- b- Makna tersirat.
- c- Kadar penggunaan polisemi sama ada banyak atau sedikit dalam al-Quran al-Karim.
- d- Bunyi dan sebutan perkataan.
- e- Kebanyakan tajuk perbandingan morfologi – kalau pun tidak kesemuanya – yang telah disentuh oleh penulis secara umum.
- f- Perbezaan antara bentuk-bentuk struktur usluub inysaa’iyy seperti perbezaan antara bentuk-bentuk suruhan seperti penggunaan kata kerja suruhan bagi sembahyang dalam ayat ((أَفِيْمُوا الصَّلَاةَ)) dan penggunaan ayat penyata bagi puasa dalam ayat ((كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ)).
- g- Perbezaan antara bentuk-bentuk الْقَصْر dalam ilm al-ma’aanii.

5.2.2 Cadangan umum

1- Menjadikan bahasa al-Quran al-Karim sebagai satu bidang khas kajian bahasa kerana terlalu banyak perkara dapat dikaji mengenainya dari aspek fonetik, morfologi, nahu, semantik dan wacana. Cadangan ini boleh diaplikasikan di Jabatan Bahasa Arab dan Fakulti bahasa secara khasnya dan Jabatan al-Quran, Fakulti Usuludin, Fakulti Pengajian Islam dan sebagainya yang menawarkan kursus bahasa Arab dan tafsir secara amnya.

2- Memasukkan unsur bahasa Arab dalam mata pelajaran yang sesuai dengan kadar tertentu di peringkat sekolah menengah seperti tafsir dan Hadis. Cadangan ini boleh dibincangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Kurikulum.

3- Memasukkan unsur bahasa Arab yang berkaitan dengan pengajaran dan nasihat dalam penyampaian ilmu agama. Melalui pemerhatian penulis, banyak pengajaran dan nasihat yang dapat diambil daripada isu bahasa apabila diaplikasikan khasnya dalam tafsir dan Hadis. Cadangan ini boleh dilakukan oleh penceramah dan pendakwah di majlis ilmu di masjid, surau dan sebagainya.

5.3 Penutup

Doa dan harapan penulis semoga kajian ini memberi sedikit manfaat dari sudut kajian akademik secara langsung sama ada kepada pelajar mahu pun ahli akademik sendiri dan juga kepada masyarakat awam secara tidak langsung. Kajian ini juga diharapkan dapat mencetus idea untuk membuat kajian lanjutan lain mengenai bahasa al-Quran al-Karim khasnya dan bahasa Arab amnya di masa hadapan.